

PENGAKUAN

Saya mengaku :

- a) Semua maklumat yang diberi adalah benar dan saya bersetuju permohonan saya dibatalkan sekiranya terdapat maklumat tidak benar / palsu.
- b) Saya dan isteri / suami saya tidak pernah memiliki rumah. (Sekiranya pernah memiliki rumah walaupun telah dijual adalah tidak layak)
- c) Saya bersetuju sekiranya diperuntukkan penyewaan unit di skim Perumahan Awam Majlis hasil dari maklumat palsu yang diberikan, maka Majlis Bandaraya Pulau Pinang berhak untuk membatalkan tawaran dan menarik balik unit yang diperuntukkan tanpa perlu membayar sebarang ganti rugi.
- d) Saya dan keluarga akan menduduki unit yang diperuntukkan itu. Sekiranya didapati saya dan keluarga tidak menduduki unit yang diperuntukkan tanpa apa-apa sebab yang munasabah atau ianya disewa dihuni oleh mana-mana orang lain, maka Majlis Bandaraya Pulau Pinang berhak membatalkan tawaran dan menarik balik unit diperuntukkan tanpa perlu membayar gantirugi.
- e) Sila ambil perhatian : Menggunakan butir-butir yang tidak benar dalam sesuatu dokumen untuk tujuan tuntutan palsu adalah kesalahan di bawah Seksyen 11 Akta Pencegahan Rasuah 1997 atau kesalahan menipu di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan. Hukuman yang ditetapkan untuk kesalahan-kesalahan berkenaan ialah penjara dan denda.
- f) Saya membuat pengakuan ini dengan penuh kepercayaan bahawa kesemua maklumat yang diberikan adalah benar dan mengikut syarat-syarat Akta Mengangkat Sumpah tahun 1960.
- g) Saya bersetuju dan membenarkan pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk mengumpul, memproses, menyimpan maklumat-maklumat yang diperlukan dan menggunakan maklumat peribadi saya untuk tujuan berkaitan mana-mana urusan rasmi Kerajaan mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.
- h) Dengan ini, saya mengaku dan mengesahkan bahawa semua maklumat yang tercatat di dalam borang ini dan lampiran yang disediakan adalah benar belaka.

Ditandatangani dan pengakuan dibuat oleh nama yang tersebut di atas,

Nama _____
Tempat _____
Negeri _____
Bertarikh _____

Di hadapan saya,

(Tandatangan Yang DiPertua Mahkamah Tengah, Tuan
Pengadil atau Pesuruhjaya Sumpah)

Tandatangan Pemohon

Tarikh

SAKSI

Saya mengesahkan bahawa pengakuan yang dibuat oleh pemohon adalah benar.

Nama Penuh : _____ No. K/P : _____

Jawatan : _____

Tandatangan dan Cop Rasmi

Tarikh : _____

(Saksi hendaklah dibuat oleh Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Pulau Pinang)